



Bank Pilihan Anda

SIARAN MEDIA

MASKOT NURI BANK RAKYAT SAMBUT MURID TAHUN SATU

KUALA LUMPUR, 20 JANUARI 2026 – Hampir 1,000 murid tahun satu di beberapa sekolah kebangsaan di Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang disambut oleh maskot NURI Bank Rakyat baru-baru ini bagi menceriakan hari pertama sesi persekolahan 2026 menerusi penganjuran program **NURI Seronok ke Sekolah**.

Selari dengan komitmen berterusan Bank Rakyat dalam memupuk kesedaran serta literasi kewangan sejak usia muda bermula seawal alam persekolahan, inisiatif ini bertujuan bagi memperkenalkan produk Akaun Simpanan-i Nuri Kids Bank Rakyat menerusi pendekatan yang mesra, interaktif dan menyeronokkan.

Akaun Simpanan-i Nuri Kids diperkenalkan bagi kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah dengan minimum deposit serendah RM20 sebagai langkah memupuk budaya menabung sejak usia muda. Pembukaan akaun kini lebih mudah dan pantas melalui platform digital Bank Rakyat Quick (BRICK).

“Selain bagi menceriakan suasana sekolah dan memberikan semangat kepada murid-murid tahun satu, mereka turut didedahkan kepada pengalaman kewangan sebenar melangkaui pembelajaran bilik darjah, sekali gus menjadikan konsep pengurusan belanjawan dan aliran tunai lebih mudah difahami,” ujar Bank Rakyat dalam satu kenyataan.

Tambah Bank Rakyat, “Pendedahan ini juga membantu menyemai disiplin kewangan, tabiat menabung serta amalan berbelanja secara bijak sejak usia muda. Pada masa yang sama, murid-murid turut diperkenalkan kepada konsep asas menabung dan perbelanjaan berhemah secara santai serta bersesuaian dengan usia mereka.”

Antara sekolah yang terlibat termasuk Sekolah Kebangsaan Seri Saujana dan Sekolah Kebangsaan Seri Hartamas di Kuala Lumpur, Sekolah Kebangsaan Jenis Tamil Mak Mandin, Pulau Pinang, Sekolah Kebangsaan Tanjong Karang, Selangor serta Sekolah Kebangsaan Desa Cemerlang, Sekolah Kebangsaan Bukit Soga, Sekolah Kebangsaan Kampung Melayu, Kluang dan Sekolah Kebangsaan Parit Setongkat di Johor.

-TAMAT-